



No. Dasar : PNM/DS/02

Tarikh diluluskan : 1 Jun 1999
Tarikh disemak : 19 Oktober 2001

DASAR PEMBELIAN DAN PENDOKUMENTASIAN BAHAN MONOGRAF DAN BAHAN BER CETAK LAIN

Kenyataan Dasar

Memastikan semua bahan bercetak khususnya bahan monograf diperolehi dan didokumentasi secara sistematik berpandukan standard yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan Perpustakaan Negara Malaysia berfungsi sebagai pusat rujukan negara dan Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana.

DASAR PEMBELIAN DAN PENDOKUMENTASIAN BAHAN MONOGRAF DAN BAHAN-BAHAN BER CETAK LAIN

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 *Dasar Pembelian Dan Pendokumentasian Bahan Monograf dan Bahan-bahan Bercetak Lain* disediakan bagi memenuhi tujuan Perpustakaan Negara Malaysia mengikut *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 (Akta A667) Bahagian II, seksyen 3(a)* iaitu:
- "menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan".*
- 1.2 Dasar ini juga menyokong matlamat *Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat, Dasar Buku Negara dan Pelan Perancangan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia* bagi memenuhi keperluan maklumat negara dan membina masyarakat yang membaca dan berilmu.

2. SKOP

Dasar ini merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan perolehan dan pendokumentasian bahan monograf dan pelbagai bahan bercetak lain meliputi bahan Malaysiana dan bukan Malaysiana yang diperoleh melalui pembelian. Dasar ini tidak termasuk bahan terbitan bersiri. Dalam perkara yang berkaitan Malaysiana, rujukan telah dibuat kepada *Dasar Malaysiana*.

3. OBJEKTIF

Objektif utama dasar ini ialah memastikan:

- 3.1 Pengesanan dan pembelian semua bahan monograf dan bahan bercetak Malaysiana.
- 3.2 Pengesanan dan pembelian secara terpilih bahan monograf serta bahan bercetak sebagai wahana ilmu pengetahuan yang merangkumi segala khazanah pemikiran, keintelektualan, keilmuan dan penulisan bagi peningkatan minda bangsa Malaysia.

- 3.3 Pengesahan dan pembelian secara terpilih semua bahan monograf dan bahan bercetak bagi memenuhi keperluan maklumat untuk perancangan, penyelidikan, pembangunan dan rujukan di peringkat kebangsaan.
- 3.4 Pengesahan dan pembelian secara terpilih bahan monograf dan bahan bercetak mengenai Negara-negara ASEAN, Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Pasifik, Komanwel dan negara lain yang mempunyai hubungan dengan Malaysia dalam pelbagai bidang terutamanya perdagangan, perindustrian, kemajuan sains dan teknologi.
- 3.5 Pendokumentasian bahan monograf dan pelbagai bahan bercetak lain mengikut standard kebangsaan dan antarabangsa.

4. STRATEGI

- 4.1 Memperkuatkan Koleksi Malaysiana dalam pelbagai format bercetak melalui pengesahan dan pembelian.
- 4.2 Mengemas kini dan memperkuatkan koleksi dalam pelbagai bidang perkara yang bercorak keilmuan dan penyelidikan terutama dalam bidang pengurusan organisasi, perindustrian, perdagangan, perniagaan dan teknologi secara pengesahan, pemilihan dan pembelian.
- 4.3 Menjalin persefikatan strategik dengan pusat penyelidikan universiti di dalam dan luar negara, penerbit dan pengedar serta orang perseorangan bagi tujuan pengesahan dan perolehan bahan Malaysiana.
- 4.4 Mengadakan perkongsian sumber maklumat di kalangan perpustakaan untuk mengurangkan pertindihan pembelian monograf dan bahan bercetak.
- 4.5 Mengutamakan pemerosesan dan pendokumentasian bahan Malaysiana.
- 4.6 Menetapkan standard dan mengawal kualiti pendokumentasian di kalangan perpustakaan di Malaysia melalui aktiviti pendokumentasian bahan Malaysiana.
- 4.7 Melaksanakan pesanan bahan perpustakaan secara elektronik di mana sesuai.

5. DEFINISI

5.1 Monograf

Monograf adalah terdiri daripada buku atau terbitan yang khusus tentang sesuatu perkara, atau beberapa kelas perkara, kadangkala dikeluarkan dalam beberapa jilid khas, terbitan tak berkala termasuk siri monograf.

5.2 Bahan Bercetak

Semua bahan bercetak termasuk peta, poster, carta, risalah, gambar (lukisan, lakaran, foto), kad imbasan dan skor muzik.

(a) *Peta*

Gambaran berlakar tentang permukaan bumi atau sebahagiannya yang menggambarkan ciri-ciri tertentu suatu kawasan itu seperti sempadan geografi, sejarah, politik, ekonomi, budaya dan sebagainya.

(b) *Poster*

"Sekeping kertas yang tertera dengan gambar dan keterangan lain tentang sesuatu."¹

(c) *Carta*

"Paparan yang mengandungi atau yang memberikan keterangan tentang hal atau kedudukan tertentu (misalnya mengenai iklim, kedudukan dan perkembangan perniagaan, struktur organisasi, prestasi kerja, dll.) dalam bentuk gambarajah (graf, jadual, dll.)."²

(d) *Brosur*

Bahan dalam bentuk beberapa lembaran kertas sama ada diketip, dijahit atau dijilid ringkas yang mempunyai keterangan tentang sesuatu perkara.

¹ *Ensaiklopedia Malaysiana*, 1994. 'Kamus Malaysiana' Jil. 14, ms. 363.

² *Ensaiklopedia Malaysiana*, 1994. 'Kamus Malaysiana' Jil. 3, ms. 205.

(e) **Risalah (Pamphlet)**

[Terbitan tidak berkala yang mengandungi sekurang-kurangnya 5 muka surat dan tidak melebihi 48 muka surat tidak termasuk kulit luar. Terbitan ini biasanya mempunyai entiti yang tersendiri. Walaupun bukan terbitan bersiri, ia mungkin merupakan satu daripada siri terbitan yang mempunyai persamaan format atau bidang perkara].

"A non-periodical publication of at least five but not more than 48 pages exclusive of the cover pages. It usually has an independent entity, not being a serial, but it may be one of a series of publications having a similarity of format or subject matter."³

(f) **Gambar (Lukisan, Lakaran, Gambar Foto)**

Bahan berita bergambar yang memberi pengesahan sebagai bukti kepada kejadian, kenyataan atau acara yang telah dikendalikan dalam bentuk gambarfoto atau lukisan.

(g) **Skor Muzik**

Kertas yang mengandungi manuskrip muzik.

(h) **Kad Imbasan**

Kepingan kertas yang agak tebal dan keras (biasanya berbentuk empat persegi) yang menunjukkan elemen melihat kembali dalam fikiran atau membayangkan sesuatu.

5.3 Bahan Malaysiana

Bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan.

³ Prytherch, Ray. *Harrod's Librarian Glossary and Reference Work*. 8th. Ed. England: Gower, 1995.

5.4 **Bahan Nadir Malaysiana**

Sumber ilmu dalam bentuk buku, risalah, gambar dan sebagainya yang amat bernilai dan sukar diperolehi di pasaran serta jarang ditemui. Biasanya bila didapati, diperolehi dengan harga yang tinggi.

Termasuk dalam kategori nadir Malaysiana ialah salah satu atau kesemua perkara yang berikut:

- (a) Bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1930 dan/atau yang sukar diperolehi di dalam negara.
- (b) Terbitan cetakan lama yang berkaitan dengan Malaysia (termasuk *Straits Settlements*, Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Kepulauan Melayu dan Alam Melayu).
- (c) Terbitan lama yang tiada cetakan lagi.
- (d) Terbitan lama karangan penulis dan penyelidik Melayu/Malaysia.
- (e) Terbitan lama karangan penulis dan penyelidik yang berada di luar negara dalam pelbagai bahasa yang berkaitan Malaysiana.

5.5 **Bahan Bukan Malaysiana**

Bahan bukan Malaysiana ialah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di luar Malaysia yang tiada kaitan dengan Malaysia atau bukan dihasilkan oleh warganegara Malaysia tetapi memenuhi keperluan pembaca.

5.6 **Peringkat Pemilihan Bahan Monograf Dan Bahan Bercetak Lain**

- (a) Komprehensif - menyeluruh dalam bidang berkenaan.
- (b) Terpilih - beberapa bahan yang dipilih dari keseluruhan bidang untuk membolehkan penyelidikan terhad.
- (c) Representatif - beberapa bahan untuk mewakili setiap bidang dan peringkat perkara berkenaan.

6. AKTIVITI

Dasar ini melibatkan aktiviti berikut:

6.1 Pengesahan/Pemilihan

- (a) Memastikan semua monograf dan bahan bercetak Malaysiana di dalam dan luar negara diperolehi secara komprehensif berdasarkan *Dasar Malaysiana*.
- (b) Memastikan semua karya rujukan utama diperolehi bagi menyokong keperluan penyelidikan, rujukan dan perujukan negara.
- (c) Memantapkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dalam pelbagai bidang perkara berdasarkan nilai kesarjanaan, penyelidikan, keperluan maklumat dan rujukan semasa.
- (d) Memastikan perolehan koleksi yang berterusan untuk memperkaya dan menyokong pembinaan minda serta proses pendidikan sepanjang hayat.

6.1.1 Kriteria Pemilihan

Kriteria yang perlu diambil perhatian dalam membuat pemilihan antaranya:

- (a) Terbitan Malaysiana dalam semua bahasa.
- (b) Mengutamakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris daripada bahasa-bahasa lain, sekiranya terdapat pelbagai bahasa.
- (c) Kredibiliti pengarang dalam bidang perkara yang berkaitan.
- (d) Terbitan berkaitan dengan dasar, wawasan dan arah tuju negara.
- (e) Perkembangan semasa masyarakat dan negara.
- (f) Penerbitan yang berwibawa dan profesional.
- (g) Kandungan yang bernas, bernilai penyelidikan dan keilmuan.
- (h) Karya agung dalam peradaban manusia.
- (i) Terbitan terkini dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan.
- (j) Karya yang menerima anugerah dalam pelbagai bidang.
- (k) Karya besar terjemahan terutamanya yang terdapat di rantau ASEAN.
- (l) Harga dan kualiti penerbitan yang berpatutan.
- (m) Memastikan semua bahan terbitan Malaysiana yang diharamkan oleh kerajaan diperolehi tetapi disimpan di dalam koleksi khas.

6.1.2 Pemilihan Karya Rujukan

(a) *Kamus*

Bagi keperluan rujukan, perpustakaan perlu memiliki satu koleksi kamus yang representatif dalam pelbagai bahasa Melayu dan Inggeris yang lengkap. Termasuk dalam kategori kamus ialah tesaurus, kosa kata, kamus sinonim dan kamus kanak-kanak.

(b) *Kamus Bahasa*

Kamus yang berkaitan dengan segala hal kebahasaan khususnya yang berkaitan dengan bahasa-bahasa utama di Malaysia termasuk juga dalam kategori ini ialah kamus Dwi-Bahasa dan kamus Tri-Bahasa.

(c) *Direktori/Buku Panduan*

Bahan ini perlu diperolehi secara terpilih berdasarkan kepentingan semasa dalam pelbagai bidang seperti direktori persatuan, syarikat dan direktori profesional dan komersil termasuk buku panduan (*handbooks/manuals*).

(d) *Ensiklopedia*

Koleksi ensiklopedia utama yang popular dan lengkap dalam pelbagai bidang perkara bagi keperluan rujukan perlu diperolehi. Ensiklopedia perlu dikemas kini selepas lima tahun sekiranya terdapat edisi pembaharuan atau sekiranya terdapat banyak perubahan isi kandungan.

(e) *Biografi*

Biografi kebangsaan dan antarabangsa yang menyeluruh sebagai sumber maklumat rujukan penting terhadap peranan dan pengaruh individu dalam sesuatu bidang dan sesebuah negara bagi memenuhi keperluan rujukan.

(f) ***Indeks/Abstrak/Bibliografi***

Semua bibliografi negara dan indeks khususnya dari negara ASEAN dan Asia.

6.1.3 Pemilihan Berdasarkan Format(a) ***Kulit Keras (Hardback)***

Pemilihan monograf haruslah mengutamakan buku yang berkulit keras (*hardback*) sekiranya terdapat dalam dua jenis kulit khususnya bagi bahan ilmiah dan penyelidikan, koleksi kekal dan berpanjangan. Walau bagaimanapun buku rujukan yang hanya terdapat dalam kulit nipis sahaja juga dibeli sekiranya judulnya sesuai untuk perolehan.

(b) ***Kulit Kertas (Paperback)***

Buku kulit kertas (*paperback*) seperti novel perlu dibeli bagi keperluan pembacaan ringan dan tidak bersifat kekal. Buku-buku ini sentiasa berganti dengan judul-judul baru, semasa dan popular.

(c) ***Buku Teks***

Buku teks dibeli sekiranya ia merupakan salah satu sumber maklumat yang berguna dan penting dalam bidang berkenaan. Buku teks pengajian tinggi akan diperolehi secara terpilih manakala buku teks sekolah tidak diperolehi melainkan buku teks Malaysiana sebagai bahan rujukan.

(d) ***Buku Kerja dan Buku Ulang kaji***

Buku kerja dan buku ulang kaji tidak dibeli melainkan ianya mengandungi maklumat yang tidak ada dari sumber lain.

(e) ***Bahan Bercetak Lain***

Bahan bercetak seperti peta, poster, carta, risalah, brosur, *pamphlet*, gambar (lukisan, lakaran, foto) kad imbasan dan skor muzik yang dijual akan diperolehi sekiranya ia mengandungi nilai keilmuan.

(f) **Bahan Dalam Bentuk Sumber Elektronik**

Mana-mana bahan bercetak dan berjilid termasuk kamus, direktori, ensiklopedia dan bibliografi akan diberi keutamaan perolehan dalam bentuk CD-ROM, terbitan dalam talian atau media elektronik lain.

6.1.4 Pemilihan Terbitan Yang Diharamkan

Perpustakaan Negara Malaysia akan memperolehi terbitan Malaysiana yang diharamkan bagi tujuan rujukan dan penyelidikan masa akan datang. Namun demikian terbitan ini disimpan di tempat khas dan tidak boleh diberi rujukan kepada sesiapa tanpa mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri. *Akta Rahsia Rasmi, 1972* perlu menjadi panduan bagi maksud ini.

6.1.5 Pemilihan Judul Mengikut Perkara

Pemilihan judul mengikut perkara adalah berdasarkan Sistem Pengkelasan Dewey (*Dewey Decimal Classification (DDC)*). Sistem ini digunakan kerana ianya sesuai dengan perpustakaan yang mempunyai koleksi pelbagai bidang perkara yang luas dan umum.

000 KARYA UMUM

Melengkapkan secara representatif pelbagai bahan rujukan umum dalam semua bidang untuk kegunaan pembaca.

- (a) Perkembangan terbaru dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat, pengurusan perpustakaan dan pusat maklumat serta judul yang sesuai untuk kursus Pembantu Perpustakaan dan pendidikan lanjutan perlu dibeli. Ini adalah untuk menyokong Perpustakaan Negara sebagai penggalak dan penasihat kepada pembangunan perpustakaan di Malaysia dan pusat latihan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.

- (b) Buku dalam bidang Sains Komputer perlu sentiasa kemas kini kerana perkembangan teknologi komputer yang semakin canggih dan pesat serta selaras dengan dasar-dasar kerajaan.
- (c) Buku dalam bidang penulisan dan industri penerbitan juga perlu diperolehi secara terpilih.

100 FALSAFAH DAN PSIKOLOGI

Pemilihan secara representatif dibuat bagi cabang-cabang falsafah seperti Metafizik, Epistemologi, Fenomena paranormal, Pemikiran falsafah khusus, Logik dan Etik.

- (a) Keutamaan perlu diberi kepada tradisi falsafah Melayu-Islam, Cina dan India kerana mereka merupakan masyarakat majmuk yang terbesar di negara ini.
- (b) Perkembangan terbaru dalam bidang falsafah dan ketamadunan dunia seperti *Confucianism* perlu diberi perhatian memandangkan dalam konteks Malaysia telah ada usaha untuk mencari nilai bersama untuk memupuk persefahaman di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.
- (c) Bahan terbitan dalam bidang psikologi yang melibatkan kehidupan manusia dan pekerjaan. Termasuk kehidupan kekeluargaan, motivasi, hubungan sesama manusia dan aplikasi praktikal psikologi.
- (d) Psikologi perbandaran (*urban psychology*) dan psikologi antara etnik yang relevan dengan Malaysia turut diperolehi.

200 AGAMA

- (a) Penekanan terhadap buku agama Islam yang sesuai untuk bacaan umum bagi memahami pelbagai aspek agama Islam yang merupakan agama rasmi negara Malaysia.
- (b) Buku teologi dan perbandingan agama serta buku pengetahuan umum agama lain dibuat secara terpilih tanpa mengambil kira pandangan yang berbeza bagi tujuan penyelidikan dan bacaan umum.

300 SAINS KEMASYARAKATAN

- (a) Penekanan akan dibuat secara terpilih dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Aspek pembangunan ekonomi negara jiran seperti ASEAN, Asia, Komanwel dan negara membangun serta kesatuan atau blok ekonomi dunia seperti GATT, EC, NAFTA, EAEC, Kumpulan G15 dan lain-lain lagi yang ada kepentingan dengan Malaysia perlu diperolehi.
- (b) Bidang lain seperti perangkaan, sains politik, undang-undang, pentadbiran awam, pertubuhan, pendidikan, komunikasi, pengangkutan, adat, etika dan kebudayaan rakyat akan diberi penekanan secara representatif.
- (c) Dalam bidang statistik, penekanan akan diberikan kepada buku mengenai kaedah dan prinsip perangkaan sebagai keperluan rujukan.
- (d) Dalam bidang sains politik, penekanan diberi pada buku yang memberi kefahaman sistem politik dunia khususnya yang ada perkaitan dengan negara Malaysia seperti Asia Tenggara, Asia Timur dan negara membangun yang lain. Ideologi politik semasa juga perlu diberi penekanan bagi keperluan rujukan dan penyelidikan.
- (e) Perundangan yang ada kaitan dengan negara Komanwel akan dipilih bagi keperluan rujukan asas sahaja.
- (f) Polisi pentadbiran awam dan bahan rujukan berupa direktori pertubuhan, institusi awam dan swasta.
- (g) Pengurusan dan perkembangan pendidikan. Ini bersesuaian dengan dasar negara untuk menjadi pusat pendidikan di rantau Asia Tenggara.

400 BAHASA

- (a) Mewujudkan satu koleksi bahan perpustakaan yang komprehensif tentang kajian bahasa Melayu dalam semua aspek.
- (b) Koleksi terpilih tentang bahasa Cina, Tamil, Inggeris, Arab dan bahasa utama lain dunia.

500 SAINS JATI DAN MATEMATIK

Bidang perkara ini akan diperolehi secara representatif termasuk *tools* seperti *mathematical tables* dan formula. Pemilihan lebih menekankan bidang sains jati/matematik yang boleh digunakan di peringkat awam. Bahan yang merupakan penyelidikan dan berbentuk terlalu ilmiah tidak diberi penekanan.

600 TEKNOLOGI

Teknologi merangkumi bidang Perubatan, Kejuruteraan, Pertanian, Ekonomi Rumah tangga, Pengurusan, Kejuruteraan Kimia, Pembuatan dan Bangunan.

- (a) Perolehan bahan dalam bidang pengurusan perlulah bersesuaian dengan dasar kerajaan dan pembangunan masyarakat semasa.
- (b) Penekanan perlu diberikan kepada pelbagai bahan yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan.
- (c) Keutamaan diberi kepada buku panduan dan aplikasi bidang ini. Buku dalam bidang perkara seperti teknologi perubatan dan pertanian yang berbentuk penyelidikan dan ilmiah kurang diberi penekanan.
- (d) Bahan yang terlalu saintifik, khusus dan teknikal tidak akan diperolehi.

700 KESENIAN

- (a) Kesenian merangkumi bidang secara keseluruhan khususnya kesenian serantau yang terdapat di seluruh pelusuk dunia. Ini berkaitan dengan usaha untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kesedaran berbudaya tinggi dan menghayati keindahan seni serta mengekalkan fahaman terhadap budaya pelbagai etnik dan bangsa.
- (b) Penekanan perolehan adalah dalam bidang seni bina ukiran, muzik, sukan dan rekreasi.

800 KESUSASTERAAN

- (a) Termasuk dalam bidang kesusasteraan ialah drama, puisi, karangan, cerita pendek dan kritikan sastera. Perolehan kesusasteraan alam Melayu dibuat secara komprehensif.
- (b) Kesusasteraan lain dunia khususnya dalam bahasa Inggeris dibuat secara terpilih.
- (c) Pengkhususan istimewa diberi kepada karya agung dan karya yang memenangi anugerah kesusasteraan besar dunia seperti '*Pulitzer Prize*' dan hadiah kesusasteraan lain.

900 GEOGRAFI, SEJARAH DAN BIOGRAFI

- (a) Perolehan dalam bidang ini dibuat secara terpilih dan pengkhususan adalah terhadap subjek geografi dan sejarah berkaitan Malaysia, Asia Tenggara, Asia Timur, Komanwel dan negara lain yang ada hubungan dengan Malaysia.
- (b) Bahan terpilih dari seluruh dunia diperolehi sebagai sumber rujukan berguna kepada pembaca umum untuk mendapat maklumat ringkas dan segera mengenai sesebuah negara luar dan kepentingannya dalam dasar luar negara.
- (c) Biografi tokoh ternama diperolehi sebagai sumber rujukan.

6.1.6 Tanggungjawab Pemilihan dan Pembelian

- (a) Pengarah Bahagian Khidmat Teknik dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan melaksanakan perolehan cadangan judul yang dipilih.
- (b) Semua Pegawai Ikhtisas Perpustakaan Negara perlu melaksanakan pemilihan bahan perpustakaan mengikut bidang perkara yang ditetapkan.
- (c) Pandangan dan cadangan perolehan dari pembaca, pustakawan, tokoh dan pakar dalam pelbagai bidang perkara perlu diambil kira.
- (d) Semua pegawai Unit Pembelian, Bahagian Khidmat Teknik perlu memastikan proses perolehan dilakukan secara berterusan supaya bahan yang diperlukan sentiasa mencukupi dan terkini untuk memenuhi keperluan maklumat, rujukan dan penyelidikan mengikut peruntukan kewangan yang disediakan.
- (e) Proses perolehan yang dilaksanakan perlu memberi penekanan untuk memperkuuhkan terbitan Malaysiana dan mempelbagaikan bidang perkara terbitan luar negara. Sekiranya beberapa cadangan diterima mengenai perkara khusus yang sama, pegawai akan membuat pilihan dengan memberi keutamaan kepada terbitan yang tiada dalam koleksi dan terbitan terkini.
- (f) Semua Pegawai Unit Pembelian Bahagian Khidmat Teknik perlu memahami perkembangan industri penerbitan dan memahirkan diri dengan semua laman web penerbit dalam dan luar negeri.
- (g) Semua pegawai perlu memastikan setiap bahan bukan Malaysiana yang hendak dipesan perlu dirujuk dari sumber perpustakaan tempatan lain supaya tidak berlaku pertindihan di kalangan perpustakaan. Perkongsian sumber diberi keutamaan dalam pembinaan koleksi bagi tujuan memperluas dan memperkayakan sumber ilmu dalam negara.

6.2 Pesanan

- (a) Terbitan dalam negara boleh dipesan melalui mana-mana pembekal yang memberi perkhidmatan yang baik.
- (b) Terbitan monograf luar negara dipesan melalui pembekal kontrak pusat mengikut *Pekeliling Kontrak Perbendaharaan* yang terpakai.
- (c) Perpustakaan akan memohon kelulusan dari Perbendaharaan, jika memerlukan bahan rujukan yang dipesan dari pembekal lain selain dari pembekal kontrak pusat.
- (d) Pesanan secara elektronik dilakukan di mana boleh.

6.3 Pemperosesan

- (a) Pembayaran perlu dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan diproses dalam masa dua minggu selepas bahan diterima dalam keadaan sempurna dan lengkap.
- (b) Bahan Malaysiana, bahan berbentuk karya rujukan, buku berkaitan teknologi komputer, buku yang mempunyai data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP) dan bahan yang diperlukan segera oleh bahagian perkhidmatan diberi keutamaan dalam pemperosesan.

6.4 Pendokumentasian

Pendokumentasian melibatkan aktiviti berikut :

6.4.1 Pengkatalogan

Pengkatalogan dan penetapan tajuk perkara adalah berdasarkan kepada standard pengkatalogan tempatan dan antarabangsa seperti di Lampiran 1.

6.4.2 Pengkelasan

Bahan dikelaskan berdasarkan *Dewey Decimal Classification* edisi yang terkini dengan perluasan tempatan bagi kawasan, sejarah, agama, bahasa dan sastera yang disediakan oleh Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan.

6.4.3 *Tajuk Perkara*

- (a) Penetapan tajuk perkara adalah berdasarkan *Library of Congress Subject Headings* yang terkini dan standard berkaitan tajuk perkara tempatan seperti di lampiran 1.
- (b) Bagi bahan terbitan Malaysiana, terjemahan tajuk perkara bahasa Melayu dan/atau tajuk perkara yang unik dalam bahasa Melayu akan disediakan di mana perlu.

6.4.4 *Pengindeksan*

- (a) Pengindeksan kertas kerja persidangan adalah berdasarkan kepada *Library of Congress Subject Headings*.
- (b) Format entri indeks persidangan adalah berpandukan kepada *Standard for Bibliographical Compilations. Singapore: BILCO, 1980* dan *ISO 690: Documentation Bibliographic References Content, Form and Structure*.

6.4.4 *Entri Analitik*

Bahan monograf dan bahan bercetak lain bukan Malaysiana termasuk terbitan Asia Tenggara yang mengandungi penulisan mengenai Malaysia perlu dibuat entri analitik dan dimasukkan kandungan muka surat.

6.5 *Pembinaan Pangkalan Data*

Bahan monograf dan bahan bercetak lain diinput dalam pangkalan data berikut:

- (a) **BINAR**
Pangkalan data rekod bibliografi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- (b) **BIBLIOGRAFI NEGARA MALAYSIA**
Pangkalan data rekod bibliografi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*.

(c) *PANCARAN MENTARI*

Pangkalan data rekod indeks artikel majalah Malaysia dan kertas kerja persidangan/seminar yang diadakan di Malaysia.

6.6 *Penempatan*

- (a) Bahan Malaysiana di tempatkan di lokasi berikut :
 - (i) Koleksi Negara – sebagai simpanan negara untuk rujukan di masa akan datang.
 - (ii) Bahagian Rujukan Malaysiana – sebagai bahan rujukan
 - (iii) Bahagian Gerakan Membaca – sebagai koleksi pinjaman individu, pos dan kelompok
- (b) Bahan bukan Malaysiana ditempatkan di lokasi berikut:
 - (i) Bahagian Rujukan Umum – sebagai bahan rujukan
 - (ii) Bahagian Gerakan Membaca – sebagai koleksi pinjaman individu, pos dan kelompok
- (c) Kod lokasi yang digunakan seperti di Lampiran II.

7. PENGEMASKINIAN DASAR

Dasar ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif Jabatan, keperluan maklumat negara dan ketersediaan bahan serta kekuuhan pengkhususan koleksi perpustakaan tempatan.

8. TARIKH KUAT KUASA

Dasar Pembelian dan Pendokumentasian Bahan Monograf dan Bahan-bahan Bercetak Lain ini adalah menggantikan *Dasar Pemilihan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, [1984]* dan berkuat kuasa mulai tarikh diluluskan.

Diluluskan oleh :

(ZAWIYAH BINTI BABA)

Pemangku Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh : 19 Oktober 2001

Lampiran 1**STANDARD PENGKATALOGAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA**

- (a) *Anglo American Cataloguing Rules*, edisi terkini termasuk pindaan kepada *Heading for Persons, Rules 22.27 Malay Names* dan *Cataloguing Rules for Iban Names*.
- (b) Pengkatalogan deskriptif berdasarkan standard terkini berikut:
- (i) *ISBD (M): International Standard Bibliographic Description for Monographic Publications* edisi terkini.
 - (ii) *ISBD (CM): International Standard Bibliographic Description for Cartographic Materials* edisi terkini.
 - (iii) *ISBD (ER): International Standard Bibliographic Description for Electronic Resources* edisi terkini.
- (c) Bahan skrip bukan Rumi ditransliterasi berpandu kepada:
- (i) *Jadual Perumian Jawi*
 - (ii) *Guidelines for Romanisation of Jawi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1995.
 - (iii) *Perumian Bahasa Cina : Panduan Asas Untuk Perpustakaan*
 - (iv) *The Chinese-English Dictionary* dan *Xiandai Hanyu Cidian*. Beijing: Shang Wu Vinshuguan, 1997.
 - (v) *Tamil Lexicon*. Madras: University of Madras, 1982.

- (d) Tajuk perkara berdasarkan:
- (i) *Library of Congress Subject Headings* edisi terkini
 - (ii) *Tajuk Perkara Tempatan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.
 - (iii) *Tajuk Perkara Perpustakaan Negara Malaysia: Dwi Bahasa: bahasa Inggeris-bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1992.
 - (iv) *Tajuk Perkara Kumpulan Etnik Sabah dan Sarawak*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1996.
 - (v) *Subject Manual Library of Congress* edisi terkini.
 - (vi) Mana-mana terbitan yang berkaitan dengan tajuk perkara yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan dari semasa ke semasa.
- (e) Pengkelasaran berdasarkan:
- (i) *Dewey Decimal Classification and Relative Index* edisi terkini dengan pindaan jadual perluasan bagi bahasa Melayu, sastera Melayu dan kawasan geografi.

Lampiran II**KOD LOKASI BAHAN**

Jenis Koleksi	Kod Lokasi
1. Koleksi Nadir Malaysiana	MN
2. Koleksi Peribadi	KP
3. Koleksi Malaysiana	M
4. Koleksi Malaysiana Rujukan	MR
5. Koleksi Malaysia (brosur/risalah)	MB
6. Koleksi Kanak-kanak.	K
7. Koleksi Kanak-kanak Rujukan	KR
8. Koleksi Pinjaman Dewasa	D
9. Koleksi Haram Malaysiana	MH
10. Koleksi Sulit Malaysiana	MS
11. Koleksi Terhad Malaysiana	MT
12. Koleksi Pinjaman Pos Dewasa	D
13. Koleksi Pinjaman Pos Kanak-kanak	K
14. Koleksi Pinjaman Berkelompok Dewasa	PBD
15. Koleksi Pinjaman Berkelompok Kanak-kanak	PBK
16. Koleksi Rujukan Umum	R
17. Koleksi Rujukan (multimedia kit)	RMK